

25/12/1998

Politik, sukan catat sejarah

SABAN hari berlaku peristiwa yang menjadi kenangan peribadi, sejarah negara, pengalaman pahit mahupun manis sesebuah bangsa. Ia berlaku dalam pelbagai keadaan dan sesetengahnya di luar jangkaan. Berita Harian menyorot sebahagian daripada peristiwa pahit manis untuk sepanjang 1998.

Beberapa peristiwa utama dalam mencatatkan makna dan sejarah tersendiri dalam mewarnai arena politik dan sukan negara sepanjang September 1998.

Pada 2 September 1998, Datuk Seri Anwar Ibrahim digugurkan daripada Kabinet berkuatkuasa jam 5.30 petang. Beliau sekali gus hilang jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan serta semua jawatan berkaitan dengan kedua-dua jawatan berkenaan.

Kesan daripada pengguguran beliau itu, tercetus beberapa siri perhimpunan kalangan penyokong Anwar di beberapa lokasi di bandar raya Kuala Lumpur.

Susulan daripada itu, Majlis Tertinggi (MT) Umno dalam mesyuarat pada 3 September 1998 mengambil keputusan untuk memecatnya sebagai ahli Umno sekali gus jawatan sebagai Timbalan Presiden.

Di gelanggang sukan, Malaysia mencipta sejarah apabila menjadi tuan rumah temasya sukan gemilang yang kedua terbesar di dunia, Kuala Lumpur '98 - Sukan Komanwel XVI.

Majlis perasmian sukan itu disempurnakan oleh Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Ja'afar. Turut hadir ialah Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah serta Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Upacara itu dilangsungkan di hadapan lebih 6,000 atlit serta 100,000 penonton di Stadium Nasional, Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil.

Upacara gilang gemilang termasuk pertunjukan bunga api dan Kuala Lumpur '98 disifatkan sebagai Sukan Komanwel paling meriah pernah diadakan setakat ini.

Sepanjang 10 hari sukan itu dianjurkan, kontinjen atlit negara berjaya memberi saingan sengit dan meletakkan Malaysia pada tempat keempat dengan mengutip 10 pingat emas, 14 perak dan 12 gangsa.

Antara kejayaan paling manis dicatatkan pada 19 September 1998 apabila empat puteri gimrama negara, Thye Chee Kiat, Carolyn Au Yong, El Regina Tajuddin dan Sarina Sundarajah melakar detik gemilang apabila mereka meraih pingat emas dalam acara berpasukan.

Mereka yang tidak diletakkan sebarang harapan mengejutkan dua pasukan pilihan iaitu Kanada serta Australia apabila menghimpun 93.023 mata.

Suasana politik negara kemudian berkocak lagi menjelang akhir Kuala Lumpur '98, apabila Anwar ditahan kira-kira jam 10 malam 20 September. Terdahulu beliau muncul di khalayak ramai di kediamannya di Bukit Damansara.

Sementara itu, tirai temasya Kuala Lumpur '98 dilabuhkan pada 21 September. Pada acara penutup, Presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Tan Sri Hamzah Abu Samah memberi ucapan ringkas sebelum upacara penyerahan bendera Persekutuan dan Sukan Komanwel (COGF) oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Kamaruzzaman Shariff kepada Datuk Bandar Manchester, Gordon Conquest.

(END)